| Headline | Dijamin 100 peratus halal | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sinar Harian (Pahang) | | |
| Date | 08 Oct 2011 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 60,000 |
| Page No | P8 | Readership | |
| Language | Malay | ArticleSize | 288 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,584 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,752 |




# Dijamin 100 peratus halal

## *ChicKing pilihan baru makanan segera warga Temerloh*

**TEMERLOH** - Restoran makanan segera baru, ChicKing Fried Chicken (ChicKing) menambah pilihan kepada warga Temerloh yang menggemari hidangan makanan segera selepas dibuka secara rasmi di daerah ini beberapa bulan lalu.

ChicKing yang dimiliki Kumpulan Al Bayan dari Emiriah Arab Bersatu (UAE) adalah resipi 100 peratus halal diterbangkan khas dari UAE.

ChicKing di Temerloh beroperasi setiap hari bermula jam 10 pagi hingga 11 malam di alamat nombor 29-31, Jalan Datuk Bahaman 3.

ChicKing antara rangkaian restoran makanan segera yang berkembang dengan pantas kini telah beroperasi di lebih 10 negara.

Setakat ini, ChicKing sudah beroperasi di pusat membeli belah Tropicana City Mall, Petaling Jaya

Powered by: MediaBanc
Be informed

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Dijamin 100 peratus halal | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Pahang) | | |
| Date | 08 Oct 2011 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 60,000 |
| Page No | P8 | Readership | |
| Language | Malay | ArticleSize | 288 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,584 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,752 |


dan Dataran Pahlawan, Melaka manakala sebuah lagi di Shah Alam berdekatan dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

ChicKing menyajikan menu ayam goreng, nuget, burger, kentang goreng, nasi dan pelbagai jenis minuman yang dijamin halal.

ChicKing sesuai untuk semua lapisan umur dan harga yang ditawarkan sangat kompetitif serta lebih murah berbanding restoran makanan segera yang lain.

Bahagian di dalam restoran pula selesa untuk dikunjungi kaum keluarga malah di satu sudut turut disediakan ruang untuk permainan kanak-kanak.

Alami kehebatan apabila anda berkunjung ke ChicKing Temerloh dengan layanan mesra daripada semua kakitangan bertugas sambil menikmati keenakan ChicKing.




**Restoran ChicKing Temerloh di Jalan Datuk Bahaman 3.**

Powered by: MediaBanc Be informed